

# Dr Mahathir enggan ulas isu dalaman PKR

BH - 5/12/2019 m/s 8

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mahu mengulas urusan dalaman PKR dan biar kemelut yang melanda parti itu diselesai sendiri oleh kepemimpinannya.

Malah kata Perdana Menteri, beliau juga tidak mampu jadi 'pendamai' bagi menyelesaikan perbalahan yang menyaksikan PKR terbahagi kepada dua kumpulan, masing-masing diketuai Presiden-

nya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Saya tak ada kemampuan itu (jadi pendamai), saya dapati walaupun dalam pekerjaan ini mereka terima saya sebagai PM, tetapi tak terima saya sebagai pendamai kepada orang lain.. itu dia punya hal la," katanya dalam pertemuan eksklusif bersama *Berita Harian* (BH) di pejabatnya di Par-

limen semalam.

Ditanya kemungkinan masalah dalaman PKR boleh melemahkan kerajaan Pakatan Harapan (PH), beliau berkata mungkin setiap parti ada masalah masing-masing, tetapi dalam Kabinet semua mereka sanggup bekerjasama.

"Kita dapat uruskan segala urusan kerajaan dengan licin juga. Ada la kelemahan-kelemahan, tetapi yang kita lihat Kabinet terdiri

(daripada) lima buah parti (yang mana) kita semua mempunyai pendirian berlainan, tetapi kita masih boleh buat keputusan dan kita ada jawatankuasa.

"Saya sendiri jadi pengerusi 45 jawatankuasa, hari-hari dua mesyuarat ada, satu mesyuarat tiga jam, tetapi Alhamdulillah, walaupun mesyuarat panjang, akhirnya kita dapat (buat) keputusan dan laksanakan," katanya.

Mengenai kriteria pemilihannya untuk rombakan Kabinet, Dr Mahathir berkata tidak ada jaminan apabila berlaku rombakan, sama ada akan menjadi lebih baik atau boleh jadi lebih buruk.

Mengenai laporan termasuk undian melalui dalam talian prestasi sesetengah menteri kurang memuaskan, Perdana Menteri berkata sesetengahnya tiada pengalaman.